

**Untuk Siaran Segera  
5 Oktober 2022**

## **PNB SERAH ZAKAT PERNIAGAAN LEBIH RM800,000 KEPADA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

**Seremban, 5 Oktober 2022:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) semalam telah membuat bayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2021 kepada kerajaan Negeri Sembilan melalui Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) yang berjumlah RM857,500.00.

Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, berkenan untuk menerima zakat perniagaan Kumpulan PNB yang disampaikan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria. Turut hadir ialah Menteri Besar Negeri Sembilan, YAB Dato' Seri Haji Aminuddin Harun, Pengerusi MAINS, Dato' Dr. Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan, Sahibus Samahah Dato' Haji Mohd. Yusof Haji Ahmad, Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Ahmad Zulqarnain Onn, serta Timbalan Presiden dan Ketua Kewangan Kumpulan PNB, Dato' Mohd Nizam Zainordin.

Pembayaran zakat oleh Kumpulan PNB dikira mengikut 'haul' dan 'nisab' yang sudah ditetapkan. Zakat perniagaan oleh PNB ini tidak meliputi agihan pendapatan untuk pemegang akaun unit amanah yang melabur dalam tabung yang dikendalikan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB). Pemegang akaun dinasihatkan melunaskan sendiri zakat bagi pelaburan dalam setiap unit amanah yang berkenaan.

*- Tamat -*

### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Pos Malaysia, Maybank, CIMB Bank, RHB Bank, BSN, Ambank, Affin Bank, Bank Muamalat, Hong Leong Bank, Alliance Bank dan Bank Islam. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 280 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

**Cadangan Kapsyen gambar:-**

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir (kanan) berkenan menerima zakat perniagaan PNB yang diserahkan oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Tun Arifin Zakaria.